

BAB 2 KAJIAN

2.0 Tinjauan Kajian Berkaitan

Kajian terhadap variasi sesuatu bahasa telah diberi perhatian oleh para ahli linguistik.

Menurut Wardhaugh (1991: 22):

... ‘variety’ is defined in terms of a specific set of ‘linguistic items’ or ‘human speech patterns’ (presumably, sounds, words, grammatical features, etc) which we can uniquely associate with some external factor (presumably, a geographical area or a social group).

Oleh itu, menurut Wardhaugh (1991) jika dapat mengenalpasti satu corak bahasa yang unik dari suatu kumpulan, maka boleh dikatakan wujud suatu variasi bahasa, misalnya bahasa Inggeris Standard, penuturan bandar New York kelas bawahan, bahasa Inggeris Oxford dan sebagainya.

Untuk meninjau status variasi *Huayu* dan *Huayu* Standard, penyelidik merujuk kepada definisi Trudgill (1983) ke atas bahasa Inggeris Standard yang dapat diaplikasikan dalam mana-mana bahasa. Menurut Trudgill (1983) bahasa Inggeris Standard adalah variasi bahasa Inggeris yang digunakan dalam penerbitan bahan-bahan bercetak, radio dan televisyen. Ia juga merupakan bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Bahasa standard ini biasanya dituturkan oleh golongan terpelajar. Di samping bahasa Inggeris Standard, terdapat juga pelbagai variasi bahasa Inggeris. Variasi bahasa Inggeris itu tidak boleh dikatakan tidak standard atau sebagai suatu bahasa yang tidak baik.

Variasi sesuatu bahasa bukan suatu bahasa yang tidak baik, ia mempunyai nilai yang tersendiri dalam masyarakat tertentu. Tambahan pula, variasi itu merupakan lingua franca kumpulan tertentu dalam suatu masyarakat.

Menurut P. Chen (1999), di Republik Rakyat Cina peratusan penduduk yang dapat bertutur dalam *Putonghua* Standard adalah sangat rendah. Kebanyakan daripada mereka bertutur dalam *Putonghua* tempatan. Yao (1989) mendapati penduduk *Shanghai* (上海) tidak menunjukkan perbezaan yang jelas dalam sebutan konsonan initial alveolar dan retrofleks. S. Chen (1990) pula mendapati penduduk *Shaoxing* (绍兴) menyebut konsonan initial [tʂ], [tʂ^h], dan [ʂ] sebagai [ts], [ts^h], dan [s] masing-masing, konsonan initial frikatif velar [x] disebut sebagai konsonan initial frikatif labio-dental [f], serta konsonan initial retrofleks malaran tak bergeser [ɿ] diujar sebagai alveolar lateral [l].

Sejak akhir 1980an, *Putonghua* tempatan dengan pelbagai variasi semakin menarik perhatian ahli-ahli linguistik, guru dan perancang bahasa. Kajian seumpama itu dapat menggambarkan keadaan linguistik yang sebenarnya di Republik Rakyat Cina (Z.T. Chen, 1990).

Selain itu, Kubler dan Ho (1985) juga mendapati konsonan initial alveolar lateral [l] disebut sebagai nasal [n] dan sebaliknya oleh penutur *Guoyu* di Taiwan. Begitu juga konsonan initial retrofleks [ɿ] disebut sebagai alveolar [l], dan sebaliknya.

2.1 Penghasilan Bunyi

Penghasilan bunyi melibatkan organ-organ seperti paru-paru, laring, faring, rongga mulut dan rongga hidung. Tiga kumpulan anggota badan terlibat dalam proses penghasilan bunyi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.0.


Jadual 2.0 : Proses Penghasilan Bunyi

BAHAGIAN	CARA	ANGGOTA
Dada	Pernafasan	Paru-paru
Leher	Penyuaraan	Laring / Pita suara
Kepala	Pengujaran	Hidung, bibir, gigi, gusi, lidah, lelangit keras, lelangit lembut dan anak tekak.

Pergerakan awal ujaran bermula dari paru-paru apabila udara ditekan keluar dari paru-paru. Udara keluar melalui trakea ke laring dan faring, kemudian udara sampai ke rongga hidung dan mulut. Bunyi yang keluar melalui rongga mulut dikenali sebagai bunyi oral. Sementara itu, bunyi yang keluar dari rongga hidung dinamakan bunyi nasal. Gambarajah 2.0 menunjukkan organ-organ utama dalam proses penghasilan ujaran.

Gambarajah 2.0: Organ-organ Dalam Penghasilan Bunyi

- 1 Bibir / Labio
- 2 Gigi / Dental
- 3 Gusi / Alveolar
- 4 Lelangit keras / Palatal
- 5 Lelangit lembut / Velar
- 6 Anak tekak / Uvula
- 7 Hujung lidah
- 8 Daun lidah
- 9 Lidah tengah
- 10 Lidah belakang
- 11 Rongga mulut
- 12 Rongga hidung
- 13 Faring
- 14 Epiglotis
- 15 Oesofagus
- 16 Glotis
- 17 Laring



Pita suara yang terletak di laring memainkan peranan penting dalam penyuaran. Udara melalui pita suara dan menghasilkan pelbagai jenis bunyi. Pita suara terdiri daripada dua keping tisu lastik yang terletak bertentangan. Ruang kecil di antara tisu lastik ini dinamakan glotis. Dalam proses penghasilan bunyi, kedudukan glotis yang berbeza menghasilkan bunyi yang berlainan. Gambarajah 2.1 menunjukkan kedudukan pita suara dalam penghasilan bunyi.

Gambarajah 2.1: Kedudukan Pita Suara Dalam Penghasilan Bunyi

 Pita suara → Glotis	<p>Glotis tertutup rapat dengan saluran udara di belakangnya. Kedudukan glotis ini menghasilkan bunyi glotal hentian /ʔ/.</p>
	<p>Glotis terbuka sedikit dengan sedikit getaran. Saluran udara melaluinya untuk menghasilkan bunyi bisikan, misalnya sesuatu bunyi konsonan.</p>
	<p>Glotis terbuka biasa dengan getaran biasa untuk penghasilan sesuatu bunyi penuturan biasa, misalnya bunyi konsonan.</p>
	<p>Glotis terbuka luas dengan saluran udara melaluinya tanpa sebarang getaran, iaitu kedudukan bersedia dalam penghasilan bunyi vokal.</p>

Getaran pita suara dengan darjat yang berlainan menghasilkan pelbagai bunyi ujaran yang berbeza. Bunyi tak bersuara dihasilkan dengan kedua-dua pita suara terbuka dengan membenarkan udara keluar tanpa banyak getaran. Bunyi bersuara pula dihasilkan dengan kedua-dua pita suara bergetar dengan rapat dan pantas secara berulangan.

2.1.1 Penghasilan Bunyi Konsonan Secara Umum

Konsonan dihasilkan dengan halangan dalam rongga ujaran. Apabila saluran udara melalui rongga ujaran, organ-organ seperti lidah dan bibir menghalang aliran udara dan bunyi-bunyi konsonan dihasilkan. Menurut Katamba (1989: 4):-

Consonants are produced by obstructing in some way the flow of air through the vocal tract. We can identify the PLACE (or POINT) where the obstruction takes place, and the organs involved.

Konsonan dapat diklasifikasi mengikut tiga cara, iaitu:-

- (a) Penyuaraan: Bunyi-bunyi yang diujar sama ada bersuara atau tidak bersuara.
- (b) Daerah artikulasi: Dwi-bibir, labio-dental, dental, alveolar, alveolo-palatal, palatal, retrofleks, velar, labio-velar dan glotal.
- (c) Cara artikulasi: Plosif, frikatif, afrikat, nasal, lateral, retrofleks dan malaran.

Konsonan sesuatu bahasa dihasilkan dengan halangan udara dalam terusan ujaran. Organ-organ dalam terusan ujaran yang terlibat dalam penghasilan bunyi-bunyi bahasa dikenali sebagai artikulator. Daerah artikulasi dalam penghasilan bunyi-bunyi konsonan ditunjukkan dalam Jadual 2.1

Jadual 2.1: Daerah Artikulasi

Daerah Kosonan	Artikulator	Contoh
Dwi-bibir	Bibir atas dan bibir bawah.	[p] [b] [m] [o] [β]
Labio-Dental	Bibir bawah dan gigi atas.	[f] [v]
Dental	Hujung lidah dan gigi atas.	[θ] [ð]
Alveolar	Hujung lidah atau daun lidah	[t] [d] [s] [z] [l] [r] [n]
Retrofleks	Daun lidah naik ke bahagian alveolar dan depan lelangit keras.	[ʈ] [ɳ] [ʈʂ] [ɖ] [ʂ] [ʐ]
Palatol-Alveolar	Daun lidah naik ke alveolar dan depan lelangit keras.	[ʃ] [ç] [tʃ] [dʒ]
Palatal	Lidah depan dan lelangit keras.	[j] [ç] [ɲ]
Velar	Belakang lidah dan lelangit lembut.	[k] [g] [ŋ]
Labio-velar	Kedua-dua bibir dan belakang lidah naik ke bahagian lelangit lembut.	[w]
Glotal	Pita suara	[h] [χ]

Sumber: Pengubahsuaiann dari Katamba, F (1989)

Selain daripada penyuaraan bunyi dan penghasilannya berdasarkan halangan udara pada artikulator, cara artikulasi adalah penting dalam penghasilan ujaran. Sesuatu bunyi bahasa mungkin sama dari segi bersuara atau tak bersuara dengan daerah artikulasi yang sama, tetapi ia masih boleh dibezakan dengan cara artikulasi yang berlainan.

Konsonan bunyi ujaran diberi nama berdasarkan cara artikulasinya. Pergerakan lidah dan penyentuhannya ke atas daerah artikulasi menyebabkan aliran udara keluar melalui rongga mulut atau hidung dengan pelbagai cara untuk menghasilkan bunyi-bunyi konsonan yang berbeza. Cara-cara artikulasi ditunjukkan seperti berikut:-

(a) Konsonan plosif atau letupan

Aliran udara disekat dengan merapatkan artikulator dan kemudian dilepaskan dengan serta-merta dengan letupan. Artikulator seperti bibir dirapatkan untuk menghasilkan [p b], lidah depan dan gusi untuk [t d], belakang lidah dan lelangit lembut untuk [k g].

(b) Konsonan nasal atau sengauan

Bunyi nasal dihasilkan dengan rongga mulut tertutup akibat penurunan velum dan menyebabkan aliran udara keluar melalui rongga hidung. Bunyi-bunyi yang dihasilkan ialah [m n ɳ].

- (c) Konsonan frikatif atau geseran

Artikulator dirapatkan menyebabkan udara keluar dari ruang yang sempit dalam rongga mulut dengan cara bergeser. Bunyi-bunyi yang dihasilkan ialah [f v θ ð s z § z].

- (d) Konsonan afrikat atau dwi-geseran

Bunyi konsonan ini merupakan kombinasi bunyi letupan dan geseran. Aliran udara disekat apabila artikulator dirapatkan, kemudian dilepaskan dengan menyempitkan aliran udara yang keluar melalui rongga mulut. Bunyi-bunyi yang dihasilkan ialah [tj dʒ].

- (e) Konsonan retrofleks

Lidah digetarkan dalam rongga mulut dan naik ke bahagian gusi untuk menghasilkan bunyi [ʌ].

- (f) Konsonan lateral atau sisian

Hujung lidah dinaikkan ke arah gusi, kemudian dilepaskan dan aliran udara keluar dari kiri dan kanan lidah untuk menghasilkan [I].

- (g) Konsonan malaran tak bergeser

Untuk menghasilkan bunyi [w j], kedudukan permulaan bunyi ialah seperti sebutan [u] dan [i] dari segi bentuk bibir. Lidah depan bergerak ke dalam dan lidah belakang bersentuhan dengan lelangit lembut untuk menghasilkan [w] dan bersentuhan dengan lelangit keras untuk menghasilkan [j].

2.1.2 Penghasilan Bunyi Vokal Secara Umum


Bunyi-bunyi vokal dihasilkan apabila aliran udara keluar dari rongga mulut tanpa sebarang halangan. Penghasilan bunyi vokal adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:-

- (a) Tinggi atau rendah lidah dalam rongga mulut. Terdapat empat titik dalam penghasilan bunyi-bunyi vokal sempit, separuh sempit, separuh luas dan luas.
- (b) Darjah lontaran lidah dalam rongga mulut. Pergerakan lidah dari hadapan ke belakang untuk menghasilkan vokal depan, tengah dan belakang.
- (c) Terdapat empat bentuk bibir dalam penghasilan vokal, iaitu bibir bundar, hampar, tonjol dan bersahaja.
- (d) Keadaan lidah yang ketat atau longgar dalam penghasilan vokal panjang dan pendek. Vokal pendek dihasilkan oleh lidah longgar, misalnya /a i e o u/. Vokal panjang dihasilkan oleh lidah ketat, misalnya /i: æ u: ɔ:/.

- (e) Keadaan glotis yang melibatkan getaran pita suara. Semua bunyi vokal adalah bersuara.
- (f) Kenaikan lelangit lembut membolehkan aliran udara hanya keluar melalui rongga mulut. Oleh itu semua bunyi vokal adalah bunyi oral.

Kedudukan lidah dalam penghasilan bunyi vokal ditunjukkan dalam vokal kardinal yang dihasilkan oleh Daniel Jones (1881-1967). Vokal kardinal merupakan rujukan untuk semua vokal yang terdapat dalam semua bahasa. Gambarajah 2.2 menunjukkan kedudukan lidah untuk menghasilkan vokal-vokal.

Gambarajah 2.2: Vokal Kardinal



Bunyi gabungan dua vokal dikenali sebagai diftong. Kedua-dua vokal tidak diujar dengan sempurna. Bunyi diftong bermula dengan ujaran vokal pertama dan terus menggeluncur ke kedudukan vokal kedua. Contoh diftong ialah /ai/ /oi/ /au/.

Bunyi gabungan tiga vokal dikenali sebagai trifong. Bunyi ini bermula dengan ujaran vokal pertama dan menuju ke vokal ketiga dengan menyentuh sedikit sahaja kedudukan vokal kedua. Contoh trifong ialah /aiə/ /auə/ dan /oɪə/.

2.2 Konsonan Initial Atau Onset Suku Kata *Huayu* Standard

Sistem fonetik IPA digunakan untuk menghuraikan konsonan initial *Huayu* Standard dalam kajian ini. Konsonan initial *Huayu* Standard telah dibahagikan kepada kategori-kategori berikut: -

(a) Plosif / Letupan IPA

(i) Plosif Dwi-bibir Tak Bersuara

Aspirasi [p^h]

Bukan aspirasi [p]

(ii) Plosif Alveolar Tak Bersuara

Aspirasi [t^h]

Bukan aspirasi [t]


(iii) Plosif Velar Tak Bersuara

Aspirasi [k^h]


Bukan aspirasi [k]

Gambarajah 2.3, 2.4 dan 2.5 menunjukkan kedudukan artikulator dalam penghasilan bunyi [p^h p], [t^h t] serta [k^h k].


Gambarajah 2.3 : Penghasilan Konsonan Initial [p^h] & [p]



Gambarajah 2.4 : Penghasilan Konsonan Initial [t^h] & [t]



Gambarajah 2.5 : Penghasilan Konsonan Initial [k^h] & [k]




(b) Frikatif / Geseran IPA


- (i) Frikatif labio-dental tak bersuara [f]
- (ii) Frikatif alveolar tak bersuara [s]
- (iii) Frikatif retrofleks tak bersuara [ʂ]
- (iv) Frikatif alveolo-palatal tak bersuara [ç]
- (v) Frikatif velar tak bersuara [x]

Kedudukan artikulator dalam penghasilan bunyi [f s ʂ ç x] ditunjukkan dalam gambarajah-gambarajah di bawah:-


Gambarajah 2.6 : Penghasilan Konsonan Initial [f]



Gambarajah 2.7 : Penghasilan Konsonan Initial [s] & [ʃ]



Gambarajah 2.8 : Penghasilan Konsonan Initial [ʃ] & [χ]



(c) Afrikat / Dwi-geseran

(i) Afrikat alveolar tak bersuara IPA

Aspirasi [ts^h]

Bukan Aspirasi [ts]

(ii) Afrikat retrofleks tak bersuara

Aspirasi [tʂ^h]

Bukan Aspirasi [tʂ]


(iii) Afrikat alveolo-palatal tak bersuara

Aspirasi [tɸ^h]


Bukan Aspirasi [tɸ]

Gambarajah 2.9, 2.10 dan 2.11 menunjukkan kedudukan artikulator dalam penghasilan bunyi [ts^h ts tʂ^h tʂ tɸ^h tɸ].


Gambarajah 2.9 : Penghasilan Konsonan Initial [ts^h] & [ts]



Gambarajah 2.10 : Penghasilan Konsonan Initial [tʂ^h] & [tʂ]



Gambarajah 2.11 : Penghasilan Konsonan Initial [tç^h] & [tç]




(d) Nasal / Sengau IPA

(i) Nasal dwi-bibir bersuara [m]


(ii) Nasal alveolar bersuara [n]

Gambarajah 2.12 dan 2.13 menunjukkan kedudukan artikulator dalam penghasilan bunyi [m n].

Gambarajah 2.12 : Penghasilan Konsonan Initial [m]



Gambarajah 2.13 : Penghasilan Konsonan Initial [n]




(e) Lateral /Sisian IPA

Lateral alveolar bersuara [l]

Gambarajah 2.14 menunjukkan kedudukan artikulator dalam penghasilan bunyi [l].

Gambarajah 2.14 : Penghasilan Konsonan Initial [l]



(f) Malaran tak bergeser


IPA

Retrofleks bersuara

[ɿ]

Gambarajah 2.15 menunjukkan kedudukan artikulator dalam penghasilan bunyi [ɿ].

Gambarajah 2.15 : Penghasilan Konsonan Initial [d]




(g) Separuh Vokal Malaran Tak Bergeser IPA


- (i) Separuh vokal labio-velar bersuara [w]
- (ii) Separuh vokal palatal bersuara [j]
- (iii) Separuh vokal labio-palatal bersuara [χ]

Pada permulaan penghasilan /w/, bentuk bibir adalah seperti penghasilan bunyi vokal /u/. Bentuk bibir adalah seperti kedudukan bunyi vokal /i/ dalam penghasilan /j/. Bunyi /χ/ pula dihasilkan dengan bibir tonjol. Kedudukan artikulator dan bentuk bibir ditunjukkan dalam gambarajah-gambarajah berikut:-


Gambarajah 2.16 : Penghasilan Konsonan Initial Separuh Vokal [w]



Gambarajah 2.17 : Penghasilan Konsonan Initial Separuh Vokal [j]



Gambarajah 2.18 : Penghasilan Konsonan Initial Separuh Vokal [Ч]




Kebanyakan konsonan initial bahasa *Huayu* Standard adalah tak bersuara, kecuali [m n l ɿ] dan jenis separuh vokal [w j ڇ]. Terdapat beberapa konsonan initial aspirasi dalam bahasa ini iaitu [p^h t^h k^h] [ts^h ts^h $t\phi^h$]. Bunyi aspirasi [p^h] memberi makna yang berlainan jika ia disebut sebagai konsonan bukan aspirasi [p] dan sebaliknya. Misalnya, sekiranya 伯 (pakcik) [po^{35}] diujar sebagai [$p^h o^{35}$], ia membawa makna yang berlainan iaitu 婆 (nenek). Dalam bahasa Inggeris, [p] hanya wujud di belakang [s] dan [p^h] wujud pada permulaan perkataan. Sekiranya [$p^h a:k$] dibaca sebagai [pa:k], ia tidak menunjukkan perbezaan makna. Selain itu, kebanyakan konsonan initial adalah bunyi oral kecuali [m n].

2.3 Vokal Bahasa *Huayu* Standard

Dalam *Huayu* Standard, kedudukan vokal-vokal adalah seperti yang ditunjukkan dibawah:-

Gambarajah 2.19 : Vokal Bahasa *Huayu* Standard



Kiri: Abjad dalam *Hanyu Pinyin*

Kanan: Simbol IPA

Kedudukan lidah /i/ /u/ adalah sama dengan vokal kardinal. Sebutan /y/ bermula dengan kedudukan bunyi /i/, kemudian membundarkan bibir tanpa perubahan kedudukan lidah. Kedudukan lidah dalam sebutan /o/ adalah lebih rendah daripada /o/ dalam vokal kardinal. Dalam bahasa *Huayu* Standard, /o/ seharusnya ditulis sebagai /o^T/ . Sebutan [ɤ] bermula dengan kedudukan /o/, kemudian bibir menjadi semakin hampar. Kedudukan bunyi /a/ terletak ke belakang sedikit jika dibandingkan dengan /a/ dalam vokal kardinal. Vokal /a/ boleh ditulis sebagai /A/ atau /a'/ dalam bahasa berkenaan. Sementara itu, /ɛ/ dalam *Huayu* Standard boleh juga disebut sebagai /ei/.

Terdapat tiga vokal khas dalam *Huayu* Standard, iaitu /ɿ/, /ɻ/ dan /θ/. Gambarajah 2.20 menunjukkan kedudukan lidah dalam penghasilan bunyi-bunyi tersebut.

Gambarajah 2.20 : Penghasilan Vokal Khas



Selain daripada vokal-vokal yang telah disebut di atas, terdapat diftong dan triftong seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2


Jadual 2.2 : Diftong & Triftong *Huayu* Standard

Diftong	Triftong
/iA/ /i ε/ /uA/ /uo/ /y ε/ /aI/ /ɑω/ /eI/ /oω/	/iɑω/ /ioω/ /uaI/ /ueI/

2.4 Konsonan Akhiran Atau Koda Suku Kata *Huayu* Standard

Terdapat dua konsonan akhiran iaitu [n] dan [ŋ] dalam *Huayu* Standard. Misalnya, [n] dan [ŋ] berada di kedudukan koda suku kata 真 (benar) [tʂən⁵⁵] dan 圣 (suci) [ʂəŋ⁵¹]. Kedua-dua konsonan akhiran ini adalah bunyi nasal. Penghasilan bunyi konsonan akhiran [n] adalah sama dengan konsonan initial [n]. Gambarajah 2.21 menunjukkan kedudukan artikulator dalam penghasilan [ŋ].

Gambarajah 2.21 : Penghasilan Konsonan Akhiran [ŋ]



2.5 Alofon Vokal Dalam *Huayu* Standard

Apabila satu fonem mempunyai bunyi-bunyi lain selain daripada bunyi asalnya, maka bunyi-bunyi tersebut dipanggil sebagai alofon. Keadaan ini wujud kerana pengaruh daripada fonem yang bergabung dengan fonem tersebut. Misalnya dalam *Huayu*

Standard, alofon /a/ wujud dalam keadaan tertentu, syarat kewujudan dan kedudukannya ditunjukkan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3 : Syarat Kewujudan Alofon [a]

Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/a/	[a]	Wujud di depan [i] dan [n].	愛 (cinta) - [aI]
	[A]	Wujud sendiri atau di kedudukan nuklear sesuatu suku kata.	阿 (kata seru) - [A]
	[ə]	Wujud di depan [u] dan [ŋ]	無 (menahan) - [əu]
	[ɛ]	Wujud di antara vokal [i] dan konsonan akhiran [n].	烟 (asap) - [i ɛ n]

Vokal /a/ mempunyai alofon [a], [ɛ], [A] dan [ə]. Variasi [a] ini tidak menunjukkan perbezaan yang besar dari segi bunyinya dan tidak melibatkan perbezaan makna sesuatu perkataan.

Fonem /o/ mempunyai dua alofon iaitu [o] dan [o^c]. Menurut IPA, [o^c] bermakna bentuk bibir kurang bundar. Syarat kewujudan alofon /o/ ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 2.4 : Syarat Kewujudan Alofon [o]

Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/o/	[o]	Wujud di kedudukan nuklear sesuatu suku kata yang tidak mempunyai konsonan akhiran.	婆 (nenek) - [p ^b o] 伯 (pakcik) - [po]
	[o ^c]	Wujud dalam diftong.	說 (bercakap) – [suo ^c] 候 (menunggu) – [xo ^c ω]

Vokal /ə/ mempunyai dua alofon iaitu [ə] dan [ɣ]. Syarat kewujudan alofon /ə/ ditunjukkan dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.5 : Syarat Kewujudan Alofon [ə]

Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/ə/	[ə]	Wujud di depan konsonan akhiran nasal /n/ dan /ŋ/. Ia juga wujud di kedudukan koda sesuatu suku kata yang bernada neutral.	很 (sangat) – [xən] 的 (punya) – [tə]
	[ɣ]	Wujud di kedudukan koda sesuatu suku kata yang tidak mempunyai konsonan atau vokal akhiran.	哥 (abang) - [k ɣ] 特 (khas) - [tʰ ɣ]

Fonem /e/ mempunyai dua alofon iaitu [e] dan [ε]. Alofon /e/ wujud dalam keadaan berikut:-

Jadual 2.6 : Syarat Kewujudan Alofon [e]

Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/e/	[e]	Wujud di depan vokal akhiran [ɪ].	北 (utara) - [peɪ] 危 (bahaya) - [wei]
	[ε]	Wujud di kedudukan koda sesuatu suku kata yang tidak mempunyai konsonan atau vokal akhiran.	姐 (kakak) - [tɕi ε] 党 (sedar) - [tʂy ε]

Fonem [ε] wujud sebagai alofon untuk kedua-dua /a/ dan /e/. Kewujudannya adalah bergantung kepada fonem yang bergabung dengannya. [ε] merupakan alofon /a/ apabila wujud di antara vokal [i] dan konsonan akhiran [n]. [ε] dianggap sebagai alofon /e/ pula apabila wujud di kedudukan akhir sesuatu suku kata.

Fonem /i/ mempunyai tiga alofon iaitu [i], [I] dan [j]. Alofon /i/ wujud dalam keadaan berikut:-

Jadual 2.7 : Syarat Kewujudan Alofon [i]

Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/i/	[i]	Wujud di kedudukan nuklear sesuatu suku kata.	𠂊 (berapa) -[t̪i]
	[I]	Wujud di kedudukan koda sesuatu suku kata yang tidak mempunyai konsonan atau vokal akhiran.	该 (buka) – [gaI] 黑 (hitam) – [xel]
	[j]	Wujud di kedudukan onset sesuatu suku kata.	† (daun) – [j ε] 要 (hendak) – [jaω]

Fonem /u/ mempunyai tiga alofon iaitu [u], [o] [w] dan [v]. Alofon /u/ wujud dalam keadaan berikut:-

Jadual 2.8 : Syarat Kewujudan Alofon [u]

Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/u/	[u]	Wujud di kedudukan nuklear sesuatu suku kata.	姑 (makcik) -[ku] 滚球 (berguling) - [kun]
	[o]	Wujud di kedudukan akhir sesuatu suku kata yang tidak mempunyai konsonan atau vokal akhiran.	好 (baik) – [xoω] 候 (menunggu) – [xoω]
	[w]	Wujud di kedudukan onset sesuatu suku kata.	万 (puluhan ribu) – [wan] 为 (demi) – [wel]
	[v]	Wujud di belakang konsonan initial [f]	浮 (terapung) – [f v] 父 (bapa) – [f v]

Fonem /y/ mempunyai dua alofon iaitu [y] dan [χ]. Alofon /y/ wujud dalam keadaan berikut:

Jadual 2.9 : Syarat Kewujudan Alofon [y]


Fonem	Alofon	Syarat Kewujudan	Contoh
/y/	[y]	Wujud di kedudukan nuklear sesuatu suku kata.	区 (kawasan) - [tɸ ^h y] 群 (kumpulan) - [tɸ ^h yn]
	[χ]	Wujud di kedudukan onset sesuatu suku kata.	月 (bulan) - [χ ε] 园 (taman) - [χ ε n]

2.6 Nada *Huayu* Standard

Nada dalam *Huayu* Standard ditanda dengan berdasarkan *Wudu Biaojifa* (五度标记法).

- Nada ditanda mengikut cara relatif kerana setiap individu mempunyai kelantangan suara yang berlainan. Terdapat empat nada dalam *Huayu* Standard. Gambarajah 2.22 menunjukkan keadaan empat nada berdasarkan sistem *Wudu Biaojifa*.

Gambarajah 2.22 : Empat Nada *Huayu* Standard



2.7 Suku Kata *Huayu* Standard

Satu suku kata terdiri daripada onset, nuklear dan koda. Biasanya vokal merupakan nuklear untuk sesuatu suku kata, buniy nuklear ini lebih kuat daripada buniy-buniy onset dan koda. Onset pula terletak di depan nuklear, manakala koda di belakang nuklear. Mengikut Roach (1991), suku kata boleh dibahagikan kepada empat kategori:-

- (a) Suku kata minimum : Vokal (V)

Terdiri daripada vokal tunggal. Contohnya, kata-kata seruan 嘿[A⁵⁵], 哟[e⁵⁵] dan 呀[o⁵⁵].

- (b) Satu onset : Konsonan Vokal (KV)

Terdiri daripada satu vokal dan satu konsonan initial. Contohnya, 爸 [pA⁵¹] (bapa) dan 媳 [mA⁵⁵] (emak).

- (c) Satu koda tanpa onset : Vokal Konsonan (VK)

Terdiri daripada satu vokal dan satu konsonan akhiran. Contohnya, 安[an⁵⁵] (selamat) dan 恩[ən⁵⁵] (budi).

- (d) Onset dan koda : Konsonan Vokal Konsonan (KVK)

Terdiri daripada ketiga-tiga vokal, konsonan initial dan konsonan akhiran. Contohnya, 神[ʂən³⁵] (tuhan) dan 爭[tʂəŋ⁵⁵] (merebut).